Pada akhir tahun 2004, sebanyak 317 buah syarikat pemajakan dan 29 buah syarikat pemfaktoran telah mendaftar dengan Bank Negara Malaysia. Walau bagaimanapun, hanya 137 buah syarikat pemajakan dan 17 buah syarikat pemfaktoran telah mengemukakan statistik tentang operasi mereka kepada Bank Negara Malaysia. Jumlah aset bagi 137 buah syarikat pemajakan dan 17 buah syarikat pemfaktoran masing-masing adalah sebanyak RM13.1 bilion dan RM2.3 bilion pada akhir tahun 2004. Walau bagaimanapun, daripada 137 buah syarikat pemajakan, hanya 24 buah merupakan syarikat pemajakan tulen, manakala daripada 17 buah syarikat pemfaktoran, hanya lapan buah ialah syarikat pemfaktoran tulen. Selebihnya merupakan syarikat yang hanya menjalankan perniagaan pemajakan dan pemfaktoran sebagai sebahagian daripada keseluruhan aktiviti perniagaan mereka.

Jadual A.77
Syarikat Pemajakan[1]: Sumber dan Kegunaan Dana

	Pada akhir tahun				
	2000	2001	2002	2003	2004
	RM juta				
Sumber					
Modal dan rizab	839	839	770	1,554	1,017
Peminjaman daripada institusi kewangan	1,711	1,923	2,141	1,759	1,816
Peminjaman antara syarikat	1,316	1,343	1,454	1,375	605
Lain-lain	2,447	2,400	2,684	2,342	2,095
Jumlah	**6,313**	**6,505**	**7,049**	**7,030**	**5,533**
Kegunaan					
Wang tunai dan baki bank	191	229	225	198	157
Pelaburan	279	309	323	387	327
Bayaran akan diterima	3,107	3,014	3,118	2,370	2,180
Pemajakan	*1,495*	*1,423*	*1,420*	*1,508*	*1,487*
Pemfaktoran	*8*	*17*	*209*	*204*	*101*
Sewa beli	*1,331*	*1,275*	*1,307*	*503*	*453*
Lain-lain	*273*	*299*	*182*	*155*	*139*
Lain-lain	2,736	2,953	3,384	4,074	2,869

[1] Statistik ditunjukkan adalah untuk syarikat pemajakan tulen sahaja